

KEHIDUPAN DUNIA HANYA SATU PERSINGGAHAN

Oleh: Muhammad Mirza Minhad, 1171765,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020

Kehidupan seorang insan itu pasti akan bermula daripada seorang manusia yang lemah iaitu bayi dan kembali menjadi manusia yang lemah apabila tua.

Manusia akan melalui beberapa kitaran ketika di dunia iaitu dari bayi ke kanak-kanak seterusnya remaja sebelum menjadi dewasa serta akan menjadi tua dan akhirnya meninggal dunia.

Ini adalah perkara biasa bagi kitaran hidup manusia sebelum kita menuju ke suatu tempat yang bernama alam akhirat.

Allah SWT berfirman dalam ayat 36, surah Muhammad yang bermaksud, “(Ingatlah) bahawa kehidupan dunia (yang tidak berdasarkan iman dan takwa) hanyalah ibarat permainan dan hiburan dan jika kamu beriman serta bertakwa, Allah akan memberikan kamu pahala amal kamu dan Dia tidak meminta kepada kamu harta benda kamu (melainkan untuk memberikan kamu barang yang lebih baik daripadanya).”

Ini merupakan salah satu ayat suci Al-Quran yang memberitahu bahawa dunia ini bukanlah tempat tinggal selama-lamanya bagi manusia tetapi akhirat adalah tujuan utama kerana di situ destinasi terakhir untuk kita.

Ini bukanlah bermakna kita perlu menumpukan sepenuh perhatian kepada akhirat sahaja tanpa memandang urusan dunia.

Sebaliknya, kita perlu menjadikan urusan dunia sebagai bekal untuk menempuh liku-liku di Mahsyar seperti di neraca Mizan dan titian Siratulmustaqim sebelum memasuki syurga yang terbentang luas bagi orang-orang yang beriman.

Manusia itu umpama orang yang mengembara atau berlayar kerana mereka akan singgah dari suatu tempat ke tempat yang lain dalam tempoh yang tidak lama untuk mengumpulkan bekal iaitu pakaian, makanan, minuman dan lain-lain sebelum meneruskan perjalanan sehingga sampai ke destinasi yang dituju.

Begitulah perumpamaan manusia di atas muka bumi ini, tidak ada yang kekal abadi kerana pada akhirnya segala makhluk akan binasa apabila hari Kiamat tiba.

Kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan dan kenikmatan yang akan musnah, tidak kekal dan hanya cenderung memperdayakan manusia.

Sememangnya, ramai yang telah terperdaya dan kagum terhadap tipu daya dunia sehingga berkeyakinan bahawa tidak ada negeri lain selain dunia selepas ini dan tidak ada tempat kembali lagi.

Syeikh Fakhruddin al-Razi dalam kitabnya, Tafsir Mafatih al-Ghaib berkata, “Ketahuilah olehmu bahawasanya hidup di dunia ini ada hikmahnya dan ada benarnya.

“Ia adalah kerana Tuhan telah berfirman bahawa Dia lebih tahu apa yang manusia tidak mengetahuinya.

“Jika bukan ada hikmah dan ada kebenarannya nescaya Allah tidak akan berfirman sedemikian.

“Dan Tuhan juga telah menciptakan hidup dan disebutkan pula bahawasanya Tuhan telah menciptakan mati dan hidup adalah kerana bagi menguji kamu siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya.

“Dan Tuhan juga menegaskan bahawa tidaklah Dia menciptakan itu dengan sembarangan dan tidak tentu arah (‘abath), dan firman-Nya juga: Dan tidaklah Kami menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di atas keduanya dengan sia-sia (batil).”

Dapatlah kita katakan bahawa kehidupan dunia ini tidak tercela, melainkan dengan yang dimaksud dengan tercelanya itu adalah jika hidup dipergunakan untuk mengikut kehendak syaitan dan menurut hawa nafsu semata-mata.

Semoga Allah SWT mengampunkan dosa kita yang telah lalu dan yang akan datang.

